

527:  
MAHATHIR

ALOR STAR, 17 APR, (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYERU ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA BERSIKAP LEBIH SEDERHANA DAN TOLERANSI TERHADAP ORANG-ORANG LAIN UNTUK MENGWUJUDKAN PERSEFHAMAN DAN PERPADUAN LEBIH ERAT.

KATANYA, SEBARANG PERASAAN IRIHATI DAN SYAK WASANGKA TERUTAMA DI KALANGAN MEREKA SENDIRI HENDAKLAH DIHAPUSKAN SAMASEKALI KERANA IA BUKAN SAHAJA TIDAK DAPAT MELAHIRKAN KERJASAMA RAPAT BAHKAN BOLEH MENIMBULKAN PERTELINGKAHAN DI KALANGAN MASYARAKAT SENDIRI.

DALAM KEADAAN SEKARANG, TAMBAHNYA, ORANG-ORANG MELAYU TIDAK PATUT BERPECAHBELAH KERANA PERJUANGAN UNTUK MENCAPAI SATU TARAF HIDUP YANG SEIMBANG DAN SETANDING DENGAN ORANG-ORANG BUKAN MELAYU DALAM SEMUA BIDANG BELUM BERJAYA LAGI.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SEKOLAH MENENGAH PULAU NYIOR, 15 BATU DARI SINI.

SEBELUM ITU, BELIAU DIIRINGI OLEH LEBIH SERATUS BUAH MOTORSIKAL DAN MOTOKAR SEJAUH 8 BATU DARI KEPALA BATAS HINGGA KE SEKOLAH TERSEBUT, BELIAU DISAMBUK OLEH KETUA UMNO BAHAGIAN ITU, ENCIK OSMAN AROFF DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASANYA.

DR. MAHATHIR BERKATA +WALAUPUN KITA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG LEBIH BAIK DALAM BIDANG-BIDANG PELAJARAN, PERNIAGAAN, DAN SEBAGAINYA TETAPI KEMAJUAN YANG DICAPAI ITU BELUM CUKUP TINGGI LAGI.+

OLEH ITU ORANG-ORANG MELAYU PERLU BERSATUPADU DAN BERUSAHA LEBIH GIGIH LAGI BAGI MENCAPAI SATU TARAF KEMAJUAN YANG LEBIH TINGGI DALAM SEMUA BIDANG SEHINGGA MEREKA DAPAT BERTANDING SEBAGAI INDIVIDU YANG BOLEH BERTANDING DENGAN SIAPA SAJA DALAM APA BIDANG SEKALI PUN. —BERSAMBUNG 1455/MD

528:

MAHATHIR 2 ALOR STAR

DR. MAHATHIR MENYATAKAN KURANG SENANGNYA MELIHATKAN MASEH ADA ORANG-ORANG YANG BELUM BERPIJAS HATI DENGAN SEGALA KEMUDAHAN DAN KEMAJUAN YANG DAPAT DIADAKAN SEHINGGA INI.

KATANYA, ORANG-ORANG INI TERUTAMANYA AHLI-AHLI UMNO MERASA IRIHATI TERHADAP RAKAN-RAKAN MEREKA YANG TELAH MENDAPAT TEMPAT DALAM KERAJAAN, MENDAPAT LESEN-LESEN PERNIAGAAN DAN SEBAGAINYA WALHAL MEREKA TIDAK MENDAPAT APA-APA NIKMAT.

BELIAU MENASIHATKAN ORANG-ORANG INI SUPAYA BERSYUKOR DIATAS SEGALA KEMUDAHAN DAN KEMAJUAN YANG TELAH DIADAKAN DAN JANGAN CUBA HENDAK MEREKUT NIKMAT KERANA PERBUATAN DEMIKIAN HANYA AKAN MENDATANGKAN KEKECEWAAN.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN GOLONGAN-GOLONGAN INI PATUTLAH MENOLEH KE BELAKANG DAN MENGAJI SEBAB-SEBAB UMNO TELAH MENCAPAI KEJAYAAN DALAM PERJUANGANNYA SELAMA INI.

MENURUT BELIAU, KEJAYAAN-KEJAYAAN ITU DICAPAI MELALUI KEIKHLASAN DAN KEJUJURAN PEMIMPIN-PEMIMPINNYA YANG BEKERJA BERTUNGKUS LUMUS TANPA MENGHARAPKAN SEBARANG BALASAN.

BELIAU YAKIN SEKIRANYA SELURUH AHLI-AHLI UMNO BERSIKAP DEMIKIAN, MATLAMAT UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT DI NEGARA INI AKAN TERLAKSANA.

DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN PIALA-PIALA PUSINGAN KEPADA JOHAN CAWANGAN UMNO YANG MEMPUNYAI BANYAK AHLI IAITU CAWANGAN PEKAN KODIANG DAN NAIB JOHANCAWANGAN TANJUNG PAOH. —BERNAMA

1501/MD